

14/11/2000

Sistem baru pastikan Umno miliki pemimpin berkualiti

Jamhariah Jaafar

SEBENARNYA tidak ada satu pun sistem pemilihan yang sempurna di dunia ini. Amerika Syarikat yang selama ini mengkritik negara lain, turut menjadi mangsa kepada sistem yang pada tanggapannya menjadi model demokrasi.

Tumpuan dalam negara pula adalah kepada Umno yang akan mengadakan pindaan Perlembagaan agak besar sejak penubuhannya pada 1946 pada Perhimpunan Agung Khas, Sabtu ini.

Sesudah draf pindaan diedarkan kepada peringkat bahagian minggu lalu, maklum balas pertama diperoleh ketika sesi taklimat dan dialog antara Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin yang bertanggungjawab menggubal usul pindaan berkenaan dengan hampir semua 165 bahagian Umno, hujung minggu lalu.

Seperti dijangka sesi selama tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu begitu berlangsung hangat. Rata-rata ketua bahagian tidak melepaskan peluang meluahkan perasaan sebenar akar umbi terhadap beberapa usul di samping kekecewaan kerana perkara penting seperti sistem pemilihan langsung tidak disentuh.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengakui perdebatan hangat berlaku ketika taklimat berkenaan dengan fokus utama kepada isu membabitkan cadangan supaya tempoh pemilihan ahli Majlis Tertinggi (MT) dan jawatankuasa peringkat bahagian dilanjutkan kepada setiap lima tahun sekali berbanding hanya tiga tahun sekarang.

Persoalan mengapa sistem pemilihan berasas kepada peratusan pencalonan langsung tidak disentuh sedangkan ia dikenal pasti sebagai sistem yang menyemarakkan masalah politik wang di samping penubuhan Puteri Umno dengan menggunakan peruntukan kuasa MT.

Bagaimanapun, Abdullah yakin semua isu berkenaan dapat dilerai dengan baik. Untuk bertindak adil, beliau berjanji semua pandangan dan kritikan akan dikemukakan kepada MT yang akan bermesyuarat sebelum hari Perhimpunan Agung Khas.

Ternyata topik paling hangat diperdebatkan ialah isu tempoh pemilihan bagi ahli MT dan jawatankuasa bahagian. Draft pindaan memasukkan satu fasal kecil baru 9.5 dan 15.3 dengan menyebut semua jawatan dalam MT dan peringkat bahagian: "Hendaklah dipilih satu kali dalam tempoh pilihan raya Dewan Rakyat dan tidak lewat daripada 12 bulan selepas pilihan raya tersebut diadakan."

Bekas Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, yang juga Ketua Umno Bahagian Temerloh, berkata fokus utama ialah kepada tempoh lima tahun yang dianggap oleh kebanyakan ahli sebagai terlalu lama di samping keputusan MT untuk tidak meminda langsung sistem pemilihan membabitkan peratusan pencalonan yang dikatakan menjadi punca utama kepada masalah politik wang.

Ketua Umno Bahagian Tambun, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, pula berkata masalah utama yang patut ditangani ialah barisan kepimpinan dan tumpuan pindaan sepatutnya kepada cara bagi memastikan Umno memiliki pemimpin yang dihormati dan disegani rakyat.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata perdebatan hangat berlangsung kerana ketua bahagian perlu melahirkan perasaan sebenar akar umbi dan rata-rata berasaskan tempoh pemilihan selama satu penggal pilihan raya adalah terlalu lama.

Abdullah ketika ditanya sama ada semua pandangan itu akan diambil kira, menegaskan: "Kita bukan parti yang menutup telinga, tidak mahu mendengar

orang cakap. Kita parti terbuka yang orang tidak tahu, dan menganggap semuanya diarahkan oleh (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebenarnya, apa yang dilakukan ini adalah hasil perbincangan selama empat bulan di semua peringkat. Perbincangan ini adalah luas, bukan dimulakan oleh MT dan selepas itu diserahkan ke bawah lalu diarah terima apa yang diputuskan."

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan, ketika ditemui baru-baru ini menjelaskan antara rasional paling kuat untuk mengadakan pindaan, terutama membabitkan lanjutan tempoh pemilihan kepada lima tahun, ialah kerana MT berasa tumpuan perlu diberi untuk memperkukuhkan parti.

Justeru, katanya, ahli Umno perlu mengubah budaya yang terlalu mementingkan pemilihan agak kerap bagi mengelakkan daripada pepatah Melayu 'menang sorak tapi kampung tergadai' menjadi kenyataan.

"Selama ini budaya pemilihan menjadi perhatian utama, seperti pemilihan jawatankuasa peringkat bahagian tahun depan... ada yang telah berkempen sejak awal-awal lagi. Kita kena ubah budaya ini kerana yang penting sekarang, dalam situasi hari ini ialah kuasa politik, bukan lagi soal kedudukan.

"Kita tidak mahu menjadi seperti pepatah 'menang sorak kampung tergadai'. Ketika ini kuasa adalah ada aspek terpenting untuk kita pertahankan. Nak kata cadangan ini radikal, rasanya tidak kerana kita hanya memperpanjangkan sedikit tempoh pemilihan," katanya.

Jika diteliti, katanya, tempoh pilihan raya tidak pernah cukup lima tahun dan bagi pilihan raya akan datang, ia hampir pasti diadakan pada 2004. Justeru, jika cadangan pindaan diterima, pemilihan Umno akan diadakan pada 2005.

"Tempoh ini adalah penting untuk kita pertahankan kekuatan Umno, kurangkan politiking dan bila tiba pilihan raya, semua pihak perlu pastikan calon Umno dipastikan kemenangannya," katanya.

Mengenai pertikaian mengapa cadangan supaya pemilihan barisan kepimpinan tertinggi dan bahagian dibuat oleh peringkat akar umbi ditolak walaupun ia pernah dianggap bernas bagi menangani masalah politik wang, Muhyiddin menjelaskan idea itu bukan ditolak begitu sahaja, sebaliknya ia memerlukan kajian lebih terperinci.

Beliau berkata, awalnya cadangan berkenaan dirasakan lebih baik berbanding barisan kepimpinan parti hanya diputuskan oleh kira-kira 2,000 perwakilan ke Perhimpunan Agung tetapi selepas dikaji, terdapat terlalu banyak masalah teknikal di samping memberi kelebihan kepada negeri-negeri besar.

Jawatankuasa Pindaan mendapati sistem yang dicadangkan itu, walaupun ada merit, masih memerlukan kajian mendalam, terutama membabitkan aspek teknikal seperti:

- \* Pemilihan perlu dilakukan serentak, iaitu pada hari yang sama bagi mengelak sebarang keputusan dipengaruhi;
- \* Pengawasan perlu lebih teliti dan memerlukan panel pengawas yang telus dan amanah kerana ia membabitkan pemilihan MT dan jawatankuasa bahagian;
- \* Pengiraan undi akan memakan masa yang lama kerana membabitkan begitu ramai calon (MT atau bahagian); dan
- \* Kemungkinan timbul keraguan seperti status keahlian atau mesyuarat agung dan sekali gus menyebabkan keputusan pemilihan sesebuah bahagian itu tidak sah.

Di samping itu, kata Muhyiddin, dengan formula 50 ahli cawangan satu perwakilan (dengan setiap cawangan tidak lebih dari lima perwakilan), akan menimbulkan kemungkinan cawangan besar akan berpecah dalam usaha untuk memiliki lebih ramai perwakilan ke mesyuarat bahagian.

"Jumlah cawangan, bahagian dan keahlian peringkat negeri juga akan

memberi kelebihan kepada calon kerana negeri besar mempunyai kelebihan manakala pemimpin dari negeri yang memiliki keahlian sedikit, akan tergugat.

"Saya tidak kata perkara seperti ini akan berlaku tetapi ini adalah andaian kerana dari segi `weightage`, ia memang akan memberi kelebihan kepada calon dari negeri seperti Johor, Pahang dan Perak.

"Jika mengikut sistem pemilihan sekarang, tidak kira sama ada negeri itu besar atau kecil, setiap bahagian hanya boleh menghantar 12 perwakilan," katanya.

Di samping itu, katanya, faktor populariti pemimpin juga penting kerana melalui sistem sekarang, perwakilan yang dihantar ke Perhimpunan Agung (juga dikenali sebagai G7 dan G5) adalah dari kalangan pemimpin akar umbi yang memang kenal dan tahu hati budi kebanyakan calon bertanding.

"Kita bukan memperkecilkan kewibawaan ahli akar umbi, jauh sekali. Tetapi jika mengikut cadangan pemilihan akar umbi ini, dari segi praktikal adakah semua daripada 40,000 ahli itu benar-benar mengenali calon bertanding?

"Sebahagian besar mungkin tidak kenal tetapi apabila mereka memangkah undi, ia mungkin berdasarkan populariti calon atau penilaian yang telah dibuat oleh kepimpinan bahagiannya.

"Jika ini berlaku, ia bukan saja tidak adil kepada semua calon bertanding, bahkan boleh mempengaruhi barisan kepimpinan utama parti pada masa depan," katanya.

Menurutnya, keadaan tidak diingini juga mungkin berlaku sekiranya semua 165 bahagian bersidang serentak.

Keganasan, kes baling kerusi dan pertengkaran mungkin boleh timbul sekiranya wujud perasaan tidak puas hati dengan proses pengiraan yang kompleks dan sudah pasti mengambil masa begitu lama.

Justeru, Muhyiddin berpendapat keputusan MT supaya sistem kuota pencalonan tidak dipinda kali ini adalah adil kerana ia sememangnya memerlukan penelitian lebih teliti.

"Memang ada merit tetapi buat masa ini kita kena pertahan atau kekalkan sistem sedia ada.

"Walaupun menyedari sistem sekarang ada kelemahan, ia adalah lebih kemas dan lebih berkesan untuk memilih barisan kepimpinan tertinggi parti serta pada peringkat bahagian.

"Masalah politik wang yang dikatakan berleluasa, dijangka dapat diatasi dengan penubuhan Lembaga Disiplin bebas.

"Kita tidak akan melepaskan idea untuk pemilihan pada peringkat akar umbi ini begitu saja tetapi ini adalah perubahan besar dan memerlukan kajian mendalam bagi memastikan apabila ia diterima kelak, akan menjadi sistem terbaik dan diterima semua pihak tanpa sebarang perdebatan lagi," katanya.

(END)